

MAHATHIR-INSURANS

1984

ALOR SETAR, 13 JUN (BERNAMA) --- PERDANAMENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA SYARIKAT INSURANS ISLAM ATAU TAKAFUL AKAN DITUBUHKAN TIDAK LAMA LAGI-X SELEPAS KERAJAAN MELULUSKAN UNDANG-UNDANG NVA.

BELIAU MENEGAWKAN SVARIKAT ITU DITUBUHKAN SEMATA-MATA UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA ORANG ISLAM MENDAPAT PERLINDUNGAN DALAM SAAT-SAAT KECEMASAN DAN BUKAN UNTUK Mencari KEUNTUNGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN DEMIKIAN DALAM MAJLIS NUZUL QURAN DI SEKOLAH AGAMA HUTAN PALAS DEKAT SINI MALAM INI.

MENURUT PERDANAMENTERI, BELIAU TELAH MENERIMA LAPORAN YANG DIBUAT OLEH PAKAR-PAKAR AGAMA, EKONOMI DAN UNDANG-UNDANG MENGENAI PENUBUHAN SYARIKAT ITU DI KUALA LUMPUR PAGI TADP.

SYARIKAT INSURANS ITU, KATANYA DIBENTUK KERANA KEPERLUAN MASYARAKAT ISLAM SEPERTI JUGA KHAYRAT-KHALIFAT KEMATIAN DI KAMPUNG YANG BERTUJUAN MENOLONG KELUARGA YANG MALANG YANG TERPAKSA BERBELANJA UNTUK URUSAN KEMATIAN.

-- LAGI 2359/LK

NNNN

ZCZC B637

MAHATHIR-INSURANS 2 ALOR SETAR

MENURUT PERDANAMENTERI, KHAYRAT KEMATIAN INI MEMAINKAN PERANAN YANG BESAR DALAM MASYARAKAT KAMPUNG TETAPI MASYARAKAT ISLAM SEKARANG TIDAK LAGI MASYARAKAT KAMPUNG SAHAJA.

MASYARAKAT ISLAM DI NEGERI INI, KATANYA TELAH MEMBESAR DAN MELIPUTI KIRA-KIRA TUJUH JUTA ORANG DAN ADALAH MUSTAHIL UNTUK MENGADAKAN KHAYRAT KEMATIAN UNTUK JUMLAH ITU.

OLEH KERANA ITU, SATU SISTEM INSURANS YANG TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG ISLAM PERLU DIADAKAN DAN SETELAH DIKAJI, KERAJAAN TELAH

BERSETUJU DENGAN CARA MENGADAKAN SISTEM INSURANS INI+, KATA BELIAU.
+DENGANADANYA SYARIKAT INSURANS TAKAFUL INI KITA BOLEH MENGADAKAN
INSURANS YANG SECUCUK DENGAN HUKUM-HUKUM ISLAM+?, TEGASNYA.
DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN SEPerti JUGA YANG BERLAKU TERHADAP
BANK ISLAM, PUAk-PUAk TERTENTU AKAN MEMBUAT TUDUHAN TERHADAP SYARPKAT
ITU NANTI.

--LAGI 0020/AN
ZCZC B638

MAHATHIR-INSURANS 3 ALOR SETAR

PERDANA MENTERI BERKATA PUAk-PUAk ITU AKAN MEMBUAT TUDUHAN DI
TEMPAT-TEMPAT TERPENCIL DAN TIDAK BERANI BERHUJAH DENGAN PAKAR-PAKAR
YANG TELAH MEMBENTUK SYARIKAT ITU.

NIAT MEREKA, KATA BELIAU BUKAN UNTUK MEMPERBAIKI SESUATU YANG
TIDAK BAIK TETAPI SEMATA-MATA UNTUK MENGISI KEPENTINGAN DIRI MEREKA
SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA GOLONGAN ITU SUKA MEMBUAT TUDUHAN
KONONNYA SESUATU USAHA ITU TIDAK BAIK WALAUPUN MEREKA TAHU ADALAH
BAIK.

+MEREKA MEMBUAT TUDUHAN INI KERANA KEPENTINGAN DIRI DAN POLITIK --
MEREKA+, KATA BELIAU.

+INILAH MASALAH YANG DIHADAPI OLEH KERAJAAN SEKARANG. SEBARANG
USAHA YANG DIBUAT UNTUK MEMBUAT KEBAIKAN AKAN DIKECAMHEBAT OLEH
GOLONGAN INI TANPA MENGIKHLAK HUKUM-HUKUM ISLAM+, TEGASNYA.

--LAGI 0025/AN
ZCZC B639

MAHATHIR-XNSURANS 4 ALOR SETAR

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA MENGECEM DENGAN BERBAGAI-BAGAI CARA
DAN MENGGUNAKAN ISLAM SEBAGAI ALATNYA.

SEMUA USAHA KERAJAAN, KATANYA SEPerti PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM
DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN, PENUBUHAN BANK ISLAM DAN UNIVERSITI ISLAM
TELAH DIKECAM OLEH MEREKA DENGAN MEMBUAT BERMACAM-MACAM TUDUHAN DAN
TOHMAH, K A T A N V A .

PERDANA MENTERI BERKATA INI ADALAH MALANG SEKALI KERANA
KEPENTINGAN POLITIK ATAU KEPENTINGAN-KEPENTINGAN LAIN, MEREKA SANGGUP
MEMBENARKAN NAFSU MEREKA MENGUASAI DIRI MEREKA.

DATUK SERI MAHATHIR JUGA MENYERU MASYARAKAT ISLAM DI NEGARA INI
SUPAYA MENGAMALKAN SPKAP SEDERHANA DAN TOLERANSI DALAM SEGALA PERKARA
UNTUK MENGEKHLAK PERPECAHAN.

--BERNAMA 0027/AN